

SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, TAHUN PERTAMA,
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS, PERAK DARUL RIDZUAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
PADA 28 DISEMBER 2022 (RABU)

1. **YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

- 3) Perlindungan terhadap kawasan hutan simpan dan payu bakau.
- a) Nyatakan keluasan dan peratusan kawasan hutan dan payu bakau di Perak dari tahun 2010 hingga tahun 2022.
 - b) Terangkan punca perubahan keluasan dan peratusan kawasan hutan dan payu bakau (ditambah/dikurangkan) di Perak.
 - c) Nyatakan keluasan dan peratusan kawasan pertanian, perindustrian serta perlombongan di Perak yang berasal daripada penerokaan hutan baru sejak 2010.

2. **YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

- 2) Bukit Larut merupakan salah satu faktor yang berjaya menjadikan bandar Taiping dianugerahi tempat ketiga Bandar Lestari Terbaik Dunia pada tahun 2019. Akan tetapi Bukit Larut terpaksa ditutup sejak awal tahun 2020 hingga kini. Mohon penjelasan:
- a) Apakah status terkini keadaan Bukit Larut?
 - b) Apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?
 - c) Bilakah Bukit Larut dijangka akan dibuka semula kepada pelancong?

3. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

- 2) Gelandangan.
- a) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah gelandangan yang mana bilangannya semakin ramai dari masa ke semasa?
 - b) Sila nyatakan pusat-pusat yang digunapakai yang berada di daerah kinta bagi menempatkan gelandangan yang tidak mempunyai keluarga serta tempat tinggal?
 - c) Sila nyatakan apakah syarat yang diperlukan serta prosedur bagi menempatkan gelandangan di dalam pusat-pusat tanggungan kerajaan?

4. **YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)**

2) Masalah hakisan sungai di RPT Kampung Raja Bashah Kuala Kurau.

- a) Apa status permohonan membina benteng hakisan oleh pihak JPS
- b) Berapa anggaran kos membina benteng hakisan tersebut

5. **YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

1) Umum telah mengetahui bahawa migrasi perusahaan PROTON ke Tanjong Malim akan berlaku dalam tempoh terdekat, lebih spesifik pada tahun 2023, di mana ianya turut melibatkan penghijrahan warga kerja PROTON ke Daerah Muallim yang pastinya membawa kepada peningkatan permintaan terhadap keperluan pemilikan rumah kediaman serta perkhidmatan rumah sewa. Adakah pihak Kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menampung keperluan perumahan di Tanjong Malim, Behrang dan kawasan sekitarnya.

Buat masa ini permintaan rumah sewa di sekitar Tanjong Nalim dan Behrang tidak dapat dipenuhi

6. **YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)**

- 1) a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu tapak yang baru untuk pembinaan klinik kesihatan awam di kawasan Hutan Melintang yang sudah uzur.
- b) Jika tiada, apakah penambahbaikan yang bakal dilakukan terhadap bangunan dan fasiliti yang dapat ditawarkan kepada penduduk setempat memandangkan pesakit-pesakit ataupun pengunjung klinik tersebut tidak mendapat perkhidmatan yang sewajarnya dan harus di hantar ke Hospital Teluk Intan untuk rawatan selanjutnya?

7. **YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)**

- 2) Isu pencemaran air dan gangguan lalat akibat perternakan ayam dan itik sering mengganggu keselesaan penduduk di Negeri Perak. Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut?

8. **YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)**

- 3) Minta Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam menerangkan perancangan terperinci untuk menaiktaraf sistem saliran, longkang, parit dan samada terdapat perancangan untuk memasang pam tambahan bagi membantu mengurangkan banjir kilat di DUN Buntong.

9. **YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)**

2) Perkembangan E-sukan

- a) Apakah yang kerajaan negeri telah menyumbang dalam sektor E-sukan dari tahun 2020 sehingga kini
- b) Berapakah kejohanan yang pernah dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri atau agensi negeri dalam masa lima tahun terdekat?
- c) Apakah infrastruktur yang ada dalam negeri untuk warga E-sukan menjalani latihan dan sebagainya?

10. **YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)**

1) Tanah untuk penempatan rakyat miskin dan b40 di Dun Selinsing

- a) Adakah ada tanah kerajaan yang terbiar di DUN Selinsing dan berapakah keluasannya
- b) Berapakah jumlah keluarga miskin dan B40 yang tidak memiliki tanah untuk kediaman di DUN Selinsing
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri Perak untuk membantu keluarga miskin dan B40 ini untuk memiliki tanah sendiri dan mampu membina kediaman mereka

11. **YB ENCIK ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

- 3) Perlantikan Ketua ketua kampung. Adakah kerajaan baru akan mengekalkan sistem perlantikan ketua ketua kampung yang ada sekarang atau mengubahnya kepada sistem sebelum nya?

12. **YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

- 1) Sungai cetek dengan mendapan lumpur serius di kawasan muara Sungai Beruas telah menghalang pergerakan keluar masuk bot ke pangkalan ketika air surut serta berisiko dilanda banjir ekoran air pasang.
 - a) Nyatakan rancangan serta tindakan Jabatan Pengaliran dan Saliran dalam usaha menyelesaikan isu sungai cetek ini.
 - b) Senaraikan muara sungai yang menghadapi ancaman sungai cetek dan mendapan lumpur di seluruh Perak, berikutan jumlah nelayan serta jumlah bot yang terjejas masing-masing.
 - c) Nyatakan tindakan kerajaan dalam memantau serta menambah baik prestasi kerja pendalaman sungai yang dijalankan oleh syarikat konsesi.

13. **YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)**

- 2) Berkenaan kos sara hidup yang tinggi terutama kos perumahan. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini terutama pemilik rumah pertama?

14. **YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

- 1) Tanah mempunyai kepentingan dan nilai yang tinggi dalam aktiviti kehidupan manusia. Isu tanah terbiar jika tidak diurus dengan baik dan berkesan akan mendatangkan kesan negatif kepada sistem sosial, ekonomi dan politik. Berapakah jumlah keluasan tanah terbiar (mengikut kategori tanah) di kawasan Manong?
- a) Apakah perancangan pihak kerajaan untuk memberi anugerah tanah kepada golongan B40 yang tidak mempunyai tanah?
- b) Apakah peluang dan kemudahan yang diberi kepada golongan belia untuk membangunkan tanah terbiar?

15. **YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

- 1) Kg Piandang, Siputeh telah dilanda banjir yang serius dalam masa seminggu iaitu pada 13 November 2022 dan 17 November 2022 sehingga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Orang Ramai (DOR) Kg Piandang, Siputeh terpaksa dibuka sebanyak 2 kali dan tempoh tidak melebihi seminggu. Kejadian banjir ini sebenarnya telah berlaku banyak kali dan difahamkan limpahan air berlaku dari Sungai Bakong adalah punca utama banjir di Kg Piandang, Siputeh.
- a) Apakah tindakan atau rancangan susulan daripada jabatan berkenaan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut?
- b) Sila nyatakan peruntukan yang akan ataupun telah disalurkan kepada jabatan berkenaan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut

16. **YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)**

- 2) WIFI percuma di seluruh Ipoh, Perak
- a) Bilakah akan dilaksanakan WIFI percuma di seluruh Ipoh, Perak?
- b) Adakah WIFI percuma yang telah dilancarkan di tempat awam?

17. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

- 3) Syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.
 - a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. yang tidak dapat menyelesaikan aduan rakyat dengan cekap dan efisien?
 - b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan kecekapan perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat konsesi ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang?
 - c) Apakah pengaturan kepada semua kakitangan kerajaan pihak berkuasa tempatan setelah hampir semua kerja-kerja telah diganti oleh syarikat konsesi?

18. **YB ENCIK ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

- 1) Sistem PEMACU.
 - a) Kelemahan paling ketara ialah pemohon tidak dapat 'monitor' atau 'tracking' progress permohonan dan bergantung kepada response dari pihak PLB berbeza dengan sistem P 07 oleh UPEN yang digunapakai sebelum ini. Adakah pihak kewangan atau PLB ada usaha untuk memperbaiki atau menukarnya?
 - b) Dengan kos pembinaan infrastruktur yang kian meningkat peruntukan maksima RM 200,000 sudah tidak realistik. Apakah peruntukan tersebut jika tidak dapat diguna untuk projek pembangunan boleh di guna untuk tujuan Sumbangan?

19. **YB ENCIK HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)**

- 3) Kesesakan Lalu lintas di lebuh raya berlaku di laluan jambatan Sungai Perak dan di Terowong Menora. lebih teruk bila di hujung minggu dan di hari-hari perayaan soalan saya, Apakah usaha kerajaan negeri Perak untuk mengatasi permasalahan ini.

Saya ingin mencadangkan satu susur keluar bertol di adakan di susur keluar kawasan rehat R&R Sungai Perak. saya yakin dengan adanya susur keluar bertol ini akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang Tol Kuala Kangsar sehingga ke terowong menora. pengguna jalan raya bolih menggunakan susur keluar ini sebagai jalan alternatif untuk ke Parit ,ke Manong dan ke Kuala Kangsar.